

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Pusat Perubatan Sunway Pulau Pinang

Tambah pelaburan RM96 juta jayakan fasa kedua

Butterworth: Kumpulan Perubatan Sunway membuat pelaburan tambahan berjumlah RM96 juta bagi menjayakan fasa kedua pembinaan hospitalnya di Pulau Pinang.

Ketika ini, fasa pertama projek terbabit yang menelan perbelanjaan RM335 juta, sudah siap dibina dan beroperasi pada 11 November tahun lalu.

Pengasas yang juga Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah AO, berkata pelaburan fasa kedua berkenaan membolehkan pihaknya mengembangkan lagi fasiliti kesihatan ke atas hospital pertama kumpulan berkenaan di negeri itu.

"Bagi fasa pertama, kita mempunyai kapasiti 200 katil dan selepas pembangunan fasa kedua yang dijadualkan siap pada pertengahan tahun hadapan kapasitinya akan meningkat kepada 130 katil menjadikan keseluruhan sebanyak 330 katil.

"Ia selaras hasrat kumpulan kita untuk memenuhi permintaan perkhidmatan kesihatan," katanya pada Majlis Perasmian Pusat Perubatan Sunway Pulau Pinang, di Seberang Jaya, di sini, semalam.

Majlis perasmian pusat perubatan premium yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat di bahagian utara negara itu disempurnakan oleh Menteri



Dr Zaliha diiringi Jeffrey (kanan) melihat fasiliti unit kecemasan pada Majlis Perasmian Pusat Perubatan Sunway Pulau Pinang, di Seberang Jaya, Butterworth, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Pusat perubatan itu adalah hospital penjagaan tertiar yang komprehensif itu, menawarkan lebih daripada 30 bidang kepakaran perubatan, khusus

dengan fokus utama pada penjagaan kanser dan rawatan penjagaan akut.

Jeffrey berkata, kehadiran Sunway di Pulau Pinang adalah berdasarkan model kejayaan

Bandar Sunway Kuala Lumpur, bandar hijau terintegrasi pertama di Malaysia.

"Pusat Perubatan Sunway Pulau Pinang adalah penambahan terbaru dalam pembangunan

terintegrasi kita di sini yang mana lebih dari 600 profesional penjagaan kesihatan akan bekerjasama untuk menyediakan penjagaan pesakit yang cemerlang.

"Dengan sokongan Kementerian Kesihatan (KKM) dan mengambil kira rekod prestasi Sunway, Pusat-pusat Perubatan Sunway berada di landasan tepat untuk menjadi kumpulan penjagaan kesihatan swasta terkemuka di Asia Tenggara," katanya.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, terdapat keperluan yang besar untuk mempelbagaikan pilihan diagnostik serta rawatan perubatan di kawasan utara.

"Apa yang dilakukan ini melengkapkan usaha KKM dalam memenuhi keperluan perubatan penduduk Pulau Pinang, dengan menawarkan akses kepada pelbagai pilihan diagnostik serta rawatan perubatan seperti radioterapi, perubatan nuklear dan pembedahan robotik.

"Pada masa ini, KKM mengambil langkah memupuk kerjasama yang berkesan antara pusat perubatan swasta dan awam dalam mengurangkan ketidakseimbangan beban kerja, mengoptimalkan penggunaan sumber serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan pada peringkat komuniti," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : LOKAL

436 klinik daif bakal dinaik taraf

Bukit Mertajam: Kementerian Kesihatan (KKM) yakin dapat menyelesaikan semua projek naik taraf membabitkan 436 klinik daif di seluruh negara penghujung tahun ini.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata projek naik taraf yang membabitkan peruntukan RM100 juta itu telah bermula dan sudah ada beberapa projek yang disiapkan.

"Untuk tahun ini, 436 klinik ini dikenal pasti untuk dinaik taraf dan KKM akan memastikan kesemua projek ini disiapkan dalam tahun ini seterusnya memberikan keyakinan kepada Perdana Menteri untuk meluluskan peruntukan untuk tujuan yang sama pada tahun hadapan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : SUARA SINAR

Rawatan percuma klinik swasta jimatkan masa



ANALISIS
MUKA 16

FARHANA ABD KADIR

Jumlah pesakit yang dikendalikan oleh klinik kesihatan kerajaan seluruh negara telah melebihi kapasiti sekali gus petugas perubatan awam terbeban dengan pelbagai tugas sehingga sukar memberikan rawatan terbaik.

Perkara itu turut mendapat respons Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa bahawa klinik kesihatan kerajaan hanya merangkumi 28 peratus dari keseluruhan fasiliti penjagaan kesihatan primer, manakala hampir 64 peratus mengendalikan rawatan pesakit luar.

Baru-baru ini, media tempatan melaporkan, terdapat peningkatan masalah kesihatan disebabkan cuaca panas sehingga menyumbang kepada pelbagai penyakit seperti demam, batuk dan influenza.

Susulan itu, hampir setiap hari klinik kesihatan kerajaan sesak dengan jumlah pesakit yang ramai sehingga ada yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan rawatan terbaik dengan kos rendah.

Berbeza pula jika berkunjung ke klinik swasta yang kurang jumlah pesakit, kerana kosnya tinggi dan juga harga ubat-ubatan semakin mahal.

Peningkatan perbelanjaan mendorong segelintir isi rumah merujuk kes kesihatan mereka di klinik kesihatan kerajaan walaupun terpaksa menunggu dalam tempoh yang lama.

Berdasarkan pengalaman, kos rawatan dan ubat-ubatan di klinik swasta mampu menelan perbelanjaan antara RM60 sehingga ke RM200

untuk sesi konsultasi bersama doktor.

Jumlah tersebut adalah bersamaan dengan perbelanjaan selama seminggu oleh golongan isi rumah berpendapatan rendah atau sederhana.

Skim Perubatan Madani merupakan inisiatif kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilihat mampu memberi kelegaan kepada golongan B40.

Program berkenaan diwujudkan bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap penjagaan kesihatan primer Akut (Rawatan Pesakit Luar Kes-kes Akut).

Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (SJRT) dalam kalangan B40 boleh mendapatkan rawatan di klinik perubatan swasta (GP) yang berdaftar di bawah skim tersebut.

Program itu telah bermula pada 15 Julai 2023 dan mereka yang ingin membuat semakan boleh melayari laman sesawang Perubatan Madani untuk memeriksa senarai klinik swasta berhampiran.

Menerusi skim tersebut jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi isi rumah berkeluarga sebanyak RM250 dan warga emas tanpa pasangan 60 tahun ke atas berjumlah RM125 serta bujang berusia 19 hingga 59 tahun termasuk berstatus orang kurang upaya adalah RM75.

Belanjawan 2023 menunjukkan golongan yang kurang berkemampuan bukan sahaja dapat menikmati inisiatif kewangan, tetapi kesihatan secara menyeluruh.

Rawatan percuma yang disediakan menerusi skim itu memberi manfaat kepada rakyat selain mampu meningkatkan kualiti kesihatan setaraf dengan negara-negara maju.

Sekiranya masyarakat memperoleh perkhidmatan kesihatan berdaftar premium dengan percuma, ia mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang lebih mampan.

Pelan strategi itu mampu menjadi alternatif bagi pesakit mendapatkan bantuan kecemasan di klinik swasta dengan kadar segera dan dapat menjimatkan masa.

Klinik swasta dicadangkan agar menyertai skim tersebut supaya dapat sama-sama membantu masyarakat yang kurang berkemampuan menikmati perkhidmatan kesihatan berkualiti.

Inisiatif itu mampu mengukir senyuman lega dan meringankan beban kos rawatan yang semakin meningkat setiap tahun.

Bantuan dan skim yang disediakan oleh Kerajaan Perpaduan dilihat bukan sahaja memberi fokus kepada masalah kos sara hidup dan ekonomi, tetapi kebajikan sosial juga diberikan tumpuan bagi memberi manfaat kepada semua golongan.

Perkhidmatan kesihatan yang baik mampu menjadi penanda aras untuk negara terus mengorak langkah bagi memastikan kualiti hidup rakyatnya lebih baik dengan menyediakan pelbagai kemudahan perubatan.

Inovasi kesihatan di negara ini dilihat semakin maju dan rakyat yang kurang berkemampuan juga mampu mendapat rawatan terbaik sekali gus dapat meningkatkan kesejahteraan hidup individu.

Perkhidmatan dan kemudahan di fasiliti kesihatan kerajaan adalah terbaik dengan kos yang murah berbanding negara serantau, menyebabkan ramai berminat untuk mendapatkan rawatan di negara ini.

Justeru, rakyat Malaysia sangat beruntung apabila dapat menikmati segala rawatan terbaik termasuk kecekapan doktor dalam mengendalikan kes, kos ubat-ubatan yang murah dan percuma serta fasiliti lengkap untuk meningkatkan kualiti kesihatan.

* Farhana Abd Kadir ialah wartawan Sinar Harian



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

Mesin imbas bayi dalam kandungan di klinik kerajaan uzur, ketinggalan zaman

BARU-BARU ini seorang suri rumah berkongsi pengalaman nyaris kehilangan zuriat apabila dikatakan keguguran selepas melakukan imbasan kandungan di sebuah klinik kerajaan.

Wanita itu diminta hadir semula ke klinik berkenaan untuk 'mencuci' rahim. Namun naluri seorang ibu itu kuat, dia pergi ke klinik swasta untuk melakukan imbasan sama bagi mendapatkan kepastian.

Tidak disangka, mesin pengimbas di klinik swasta berjaya mengesan denyut-

an bayi dan disahkan telah mengandung dua bulan. Kini bayi perempuan yang comel itu juga selamat dilahirkan.

Merak Jalanan beranggapan mungkin mesin pengimbas di klinik kerajaan ketika itu rosak atau dikendalikan oleh jururawat biasa, memandangkan doktor pakar sibuk menguruskan hal lebih penting.

Mungkin ia hanya kes terpercik, tetapi rupa-rupanya ramai lagi wanita yang mempunyai pengalaman sama.

Mereka masing-masing berkongsi kisah di ruangan komen video berkena-

an dengan mendakwa mesin pengimbas kandungan di klinik kesihatan sudah uzur dan ketinggalan zaman.

Jika tersilap jantina bayi, ia bukan perkara serius namun kesilapan menentukan status nyawa kandungan menerusi kadar denyutan nadi, ia tidak boleh dipandang remeh.

Mereka yang berkemampuan, sudah pasti akan melakukan sekali lagi imbasan di klinik swasta. Tetapi bagi mereka yang mempunyai masalah kewangan, sudah pasti meletakkan kepercayaan

penuh kepada klinik kerajaan.

Memandangkan ini bukan perkara baharu, mereka minta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membekalkan mesin pengimbasan lebih berkualiti untuk digunakan klinik kerajaan.

Mesin pengimbas sangat penting bagi melihat perkembangan bayi selain mengesan komplikasi awal, penyakit dan kecacatan.

Jika mesin pengimbas berkualiti, ia dapat mengelak sebarang kesilapan tafsiran mengenai pertumbuhan bayi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NEGERI

24 NEGERI JOHOR

Bangunan HSA terbiar dibuka semula

Usaha atasi
kesesakan
di Poliklinik HSA

JOHOR BAHRU

Sebuah bangunan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) yang sudah terbiar lebih 20 tahun akan dibuka kembali bagi mengurangkan kesesakan di Poliklinik HSA.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, usaha pembukaan bangunan tersebut akan dilaksanakan kerajaan negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Insya-ALLAH, salah satu bangunan di HSA yang terbiar lebih daripada 20 tahun akan dibuka kembali dengan bantuan kerajaan negeri dan KKM.

"Usaha ini penting bagi membantu mengurangkan kesesakan di kawasan Poliklinik HSA dan memberi keselesaan kepada petugas-petugas di HSA," kata-

Onn Hafiz (dua dari kanan) melawat bangunan yang terbiar lebih 20 tahun di HSA Johor Bahru yang akan digunakan semula.

nya dalam muat naik di Facebook rasminya pada Isnin.

Beliau berkata, beberapa cadangan telah dikemukakan dan dipersetujui agar bangunan yang terbiar dapat digunakan.

"Antaranya, bahagian unit pentadbiran akan dipindahkan ke bangunan 'Sister Mess' dan ruang bahagian pentadbiran sedia ada akan dinaik taraf menjadi Klinik Kardiotorasik dan Klinik Pembedahan Plastik.

"Selain itu, bilik ekokardiogram atau lebih dikenali sebagai 'echo' akan diletakkan sekali dengan Klinik Kardiotorasik yang baru bagi memudahkan pesakit menjalani rawatan," katanya.

Pada 1 Jun lalu, Onn Hafiz dilaporkan berkata, HSA merupakan hospital awam kedua paling sibuk di Malaysia selepas Hospital Kuala Lumpur, selain terdapat kekurangan seramai 200 doktor

FOTO: FACEBOOK ONN HAFIZ GHAZI



AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

'It's the law'

➤ Rape victims required to make police report before medical examination to ensure procedure is legal, proper: Lawyer

■ BY JULIANNE YAP
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Rape victims have to make a police report first before a medical examination is carried out as the procedure is mandated by law, said lawyer Kokila Vaani Vadiveloo.

She was commenting on a statement by Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri on Sunday, who recommended that the Health Ministry consider permitting victims to undergo a medical examination before making a police report of an alleged rape.

Nancy said she was making the recommendation considering the traumatic situation faced by rape victims.

"Since the report and rape kit must be administered within 72 hours, our recommendation is that the victim gets a medical examination first and then be left to decide whether to make a police report or not," she said.

However, Kokila said Section 376 of the Penal Code 1952 sets out the procedures for dealing with rape victims.

She added that the law states: "No medical

officer shall conduct a medical examination on a person who alleges that she has been raped unless a police report has been made in respect of the alleged rape."

She said the law was enacted to ensure the medical examination is conducted in a legal and orderly manner. The police need to be involved in the process to ensure that evidence is properly collected and preserved.

"However, there are some exceptions to this. If the victim is under 18 years, she does not need to file a police report before she can have a medical examination.

"This is because the law recognises that children are especially vulnerable to abuse, and they need to be able to access the medical help they require without having to go through the trauma of filing a police report."

Kokila said there are additional reasons the law generally requires a police report to be made first by an alleged rape victim.

"Apart from complying with Section 376 of the Penal Code, police need to take a written statement from the alleged victim to investigate the crime and build a case.

"Police also have to act quickly on the report to detain the perpetrator as medical evidence could be collected from (the suspect's) clothing

and body.

"The medical examination of the perpetrator may also provide important evidence, such as DNA samples, which could be used to conclusively identify, charge and prosecute the perpetrator during the trial."

Kokila said police also need to protect the victim from further harm, adding that as the medical examination can be a traumatic experience, they want to ensure the victim is safe and supported.

If police believe there is enough evidence, the perpetrator will be charged with rape. The case will be prosecuted in court and the alleged victim called to testify.

However, she also said the current procedure presented some challenges. For example, it can be difficult for victims to come forward and report the crime, especially if they are afraid of retaliation or being stigmatised as rape victims.

Kokila said the current procedures in Malaysia for handling rape reports are generally fine.

"The procedures provide for a victim-friendly approach, which is important to ensure

rape victims feel comfortable coming forward and reporting the crime."

She said the procedures also provide for medical and psychological assistance, which can be essential to help victims cope with the trauma of rape. However, there are some areas where the procedures could be improved, she added.

"The training of police officers on how to handle rape reports could be improved. There could also be more support available for victims, such as counselling and even financial assistance.

"Overall, the procedures in place for handling rape reports in Malaysia are good, but there needs to be an improvement in the manner in which police officers speak with the victim. Perhaps more compassion is required so the victim does not feel intimidated by the line of questioning."



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Idle wing answer to congestion at clinic

JOHOR BAHRU: A building left idle for more than 20 years at Sultanah Aminah Hospital will be reopened as part of efforts to reduce congestion in the polyclinic area.

Johor Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi said the building's reopening will make it more comfortable for hospital staff. Several proposals have also been agreed to.

"The proposals include shifting the administrative unit to the 'Sister Mess' building and upgrading the existing space at the administrative division into a Cardiothoracic Clinic and Plastic Surgery Unit," he said in a post on his official Facebook yesterday. - Bernama